



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**20 MEI 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **245 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,909 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 45 menjadikan jumlah kumulatif 58,544 orang. Seramai 620 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 301 orang di hospital dan 315 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 39 orang dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sandakan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 Peningkatan kes COVID-19 Sabah pada hari ini disumbangkan oleh kluster sedia ada iaitu kluster D' Kuala yang melibatkan pelajar SMA Kuala Papar dengan 62 kes positif hari ini hasil ujian saringan kedua. Turut menokok jumlah kes di Sabah ialah 28 kes daripada kluster baharu, Lorong Karamunsing Kota Kinabalu, 11 kes daripada kluster Jalan Tun Fuad dan 37 kes dari kluster Jalan Kretam Silimpohon Kalabakan. Secara keseluruhan kes pada hari ini merangkumi 65 kluster baharu dan 84 kluster sedia ada.

**Terdapat empat (4) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Jalan Pengalat Lok Kawi di Papar** adalah kluster tempat kerja melibatkan para pekerja kilang CCK Fresh Mart Sabindo di daerah Papar. Kes indeks merupakan lelaki, 32, petugas di unit kawalan kualiti (QC) kilang berkenaan dan mula bergejala sejak 10 Mei 2021 sebelum disahkan positif PCR di Klinik Kesihatan Inanam pada 18 Mei 2021. Susulan kes itu, majikan telah menjalankan saringan di tempat kerja terhadap 69 warga kilang terbabit dan mendapati 15 lagi kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes. Daripada jumlah itu, 1 kes didaftarkan di Kota Kinabalu manakala 15 kes lagi di Papar. Aktiviti kawalan dan pengesanan masih giat dijalankan.
- ii **Kluster Lorong Karamuning di pusat Bandaraya Kota Kinabalu** juga merupakan kluster tempat kerja melibatkan kakitangan di kedai elektronik yang menular kepada generasi kedua iaitu ahli keluarga, selain daerah berdekatan terdiri daripada Putatan, Penampang dan Tuaran. Kes indeks adalah pekerja lelaki membaiki komputer riba yang dikesan positif COVID-19 setelah menjalani saringan bergejala demam dan hilang deria bau di Permai Poliklinik Kota Kinabalu pada 9 Mei 2021 dan telah dimasukkan ke PKRC HQ LAC untuk rawatan lanjut. Daripada 89 sampel yang diambil menerusi saringan tempat kerja, 28 orang didapati positif termasuk 10 kes baharu yang direkodkan pada 20 Mei 2021 dengan sembilan (9) kes di Kota Kinabalu dan satu (1) di Putatan. Sementara itu, 51 sampel disahkan negatif dan 17 lagi sedang menunggu keputusan ujian saringan. Jumlah kumulatif kes bagi kluster ini ialah 28 kes meliputi 21 Kota Kinabalu, tiga (3) Putatan, dua (2) Penampang dan dua (2) lagi dari daerah Tuaran.

- iii **Kluster Jalan Tun Fuad di pusat Bandaraya Kota Kinabalu** merupakan kluster jenis tempat kerja yang melibatkan pekerja dalam tapak bina iaitu pembinaan bangunan bagi Hyatt Centric Hotel Kota Kinabalu. Kluster ini mula dikesan pada 15 Mei 2021 apabila kluster indeks iaitu pekerja lelaki, 43, yang mempunyai gejala demam dan batuk menjalani saringan RTK Antigen di Permai Poliklinik Kota Kinabalu dan didapati positif. Kes indeks telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu untuk rawatan lanjut. Pasukan kawalan yang mengarahkan ujian saringan berjaya mengambil 641 sampel dan mengesan 10 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes merangkumi tujuh (7) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) di Penampang dan satu (1) di Putatan. Manakala, 359 sampel pula didapati negatif serta 275 lagi sedang menunggu keputusan ujian saringan.
- iv **Kluster Jalan Kretam Silimpopon di daerah Kalabakan** mula direkodkan pada 14 Mei 2021 di Hospital Tawau melalui saringan bergejala terhadap kes indeks merupakan warganegara, lelaki, 33, pekerja kilang pemprosesan di Ladang Sawit Silimpopon. Kes indeks mula mengalami gejala batuk dan demam sejak 08 Mei 2021, sebelum disahkan positif COVID-19 oleh pihak hospital tersebut. Saringan kontak rapat yang dijalankan ke atas 142 orang mendapati 41 kontak dikesan positif menjadikan jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah sebanyak 42 kes. Manakala, 76 sampel didapati negatif dan 24 sampel masih menunggu keputusan ujian. Aktiviti pengesanan kontak rapat masih giat dijalankan serta punca jangkitan masih dalam siasatan. Berdasarkan siasatan awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri kenduri Hari Ibu di Gereja Gabungan Silimpopon yang terletak bersebelahan Jalan Kretam, Silimpopon di dalam ladang berkenaan.

7 Daripada 245 kes positif COVID-19, sebanyak 60 kes (24.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 25 kes (10.2%) saringan bergejala, 151 kes (61.6%) dari kluster baharu dan sedia ada serta sembilan (9) kes (3.7%) dari lain-lain kategori.

- 8 Jumlah kapasiti katil 3,975 unit
- Hospital 569 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,986 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 15.6%.

## **B TAFSIRAN PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES ) YANG DIBENARKAN MASUK KE NEGERI SABAH TANPA KELULUSAN KHAS**

Tafsiran perkhidmatan perlu (*essential services*) ialah pasukan keselamatan beruniform serta perkhidmatan kesihatan dan perubatan meliputi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dibenarkan masuk ke negeri Sabah tanpa kelulusan khas.

## **C PKPD KAMPUNG IDANI, SEMPORNA**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Idani, Semporna.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 16 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sembilan (9) kes positif COVID-19 direkodkan.
- 3 Pada masa sama, KKM memaklumkan kadar positifiti adalah 56.25% dan kadar kebolehsangkitan juga tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Idani, Semporna berkuat kuasa 22 Mei sehingga 4 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menghalang pergerakan penduduk sekaligus mengekang penularan wabak COVID-19 ke luar kawasan lain.

## **D PKPD KAMPUNG PISANG, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan semasa mengenai kes COVID-19 di Kampung Pisang, Tawau.
- 2 Sehingga 19 Mei 2021, KKM telah merekodkan tujuh (7) kes positif COVID-19 daripada lapan (8) ujian saringan yang dijalankan ke atas penduduk di lokaliti itu.
- 3 Susulan penularan kes di kampung tersebut, KKM mendapati kadar positifiti dan kadar kebolehjangkitan tinggi iaitu 87.5%.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pisang, Tawau, Sabah berkuat kuasa 22 Mei sehingga 4 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menghalang pergerakan penduduk sekaligus mengekang penularan wabak COVID-19 ke luar kawasan lain.

## **E PKPD KAMPUNG GETAH, KAMPUNG GETAH TENGAH & TAMAN KUNAK JAYA, KUNAK**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Getah, Kampung Getah Tengah & Taman Kunak Jaya, Kunak.
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes secara ketara dalam masa yang singkat yang melibatkan ketiga-tiga lokaliti dengan sebanyak 12 kes positif telah direkodkan hasil daripada 41 ujian saringan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Getah, Kampung Getah Tengah & Taman Kunak Jaya, Kunak bermula bermula dari 22 Mei sehingga 4 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes COVID-19 dan seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke kawasan lain.

## **F PELANJUTAN PKPD SMU PANTAI MANIS, PAPAR**

- 1 Kerajaan Negeri sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sekolah Menengah Agama (SMU) Pantai Manis, Papar yang dijadualkan tamat pada 20 Mei 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 495 ujian saringan, 61 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan masih berlaku penularan serta terdapat 202 lagi sampel ujian menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD SMU Pantai Manis, Papar bermula 21 Mei sehingga 3 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **110** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,477** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **37** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,670** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **3,567** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **39,894** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,498** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **9,234** orang.

- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 3,098 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **498,392** (mysejahtera 437,235 : laman web 60,916 : talian vaksinasi 241) bersamaan 17%.

## **H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **321,798** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 50 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 27,190 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 153 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 76 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak empat (4) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Tiga (3) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul
  - Satu (1) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 99 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 272 lokasi melibatkan seramai 190 anggota APM.



- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 66 anggota di 55 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu di daerah Sandakan, Semporna, Kota Marudu dan Keningau.
- 7 Sejumlah 49 hebahan awam dibawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 144 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tenom	98%
2	Sipitang	98%
3	Beluran	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Kudat	98%
6	Ranau	98%
7	Keningau	98%
8	Lahad Datu	97.5%
9	Sandakan	97.5%
10	Kunak	97%
11	Kinabatangan	97%
12	Beaufort	97%
13	Tawau	97%
14	Tuaran	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Penampang	97%
17	Kota Belud	97%
18	Semporna	97%
19	Papar	97%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**